Mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC)
28 Oktober 2025
Bank Negara Malaysia

Ringkasan

Mesyuarat membincangkan perkembangan terkini tentang pasaran kewangan, diikuti dengan kemas kini kemajuan inisiatif domestik termasuk program lindung nilai dinamik, rakan niaga pusat (*central counterparty,* CCP) dan Peralihan KLIBOR kepada MYOR/MYOR-i. Mesyuarat turut diberikan taklimat mengenai persidangan Meja Bulat Jawatankuasa Kecil Pasaran Kewangan Islam (Islamic Financial Market Subcommittee, IFMC) di Global Islamic Finance Forum (GIFF).

1. Perkembangan pasaran kewangan

1.1 Sejak mesyuarat FMC yang terakhir pada bulan Julai, prestasi ringgit telah mengatasi kebanyakan mata wang serantau lain dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.5% berbanding dolar AS (antara 21 Julai hingga 27 Oktober), disokong oleh asas ekonomi yang kukuh berikutan anggaran awal KDNK suku ketiga tahun 2025 sebanyak 5.2% serta komitmen berterusan kerajaan terhadap konsolidasi fiskal.

1.2 Keadaan pasaran antara bank domestik kekal teratur, dengan kadar antara bank semalaman mengikuti rapat Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) berikutan mudah tunai yang mencukupi. Walau bagaimanapun, pemerhatian ahli mesyuarat mendapati tahap kadar deposit yang masih kekal tinggi walaupun terdapat pengurangan OPR pada bulan Julai, yang dikaitkan dengan volatiliti pembiayaan daripada pendeposit syarikat korporat besar dan sasaran dalaman bank untuk mengekalkan penampan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) yang tinggi. Mesyuarat menyarankan supaya BNM mengadakan sesi libat urus dengan ketua jabatan perbendaharaan bank (*bank treasurers)* untuk mengkaji penyelesaian bagi menangani persaingan deposit korporat, termasuk pengurusan LCR yang cekap.

1.3 Kadar hasil bon kerajaan Malaysia telah diselaraskan secara beransur-ansur apabila pasaran mengurangkan jangkaan untuk pengurangan kadar domestik selanjutnya, manakala lelongan bon jangka panjang mencatatkan permintaan yang agak perlahan disebabkan oleh penawaran bon korporat yang lebih tinggi secara bermusim pada suku keempat tahun 2025. Meskipun begitu, perbezaan kadar hasil dengan Amerika Syarikat (AS) terus mengecil dengan spread UST-

MGS 10 tahun menurun kepada 50 mata asas (purata sejak awal tahun sehingga kini: 74 mata asas) berikutan jangkaan pemotongan kadar oleh Federal Reserve AS (Fed) yang berterusan. Mesyuarat mengambil maklum bahawa pelaksanaan pemotongan kadar ini mampu memberikan kesan positif kepada portfolio asing.

1.4 Prestasi ekuiti serantau telah mencatatkan trend positif berikutan selesainya rundingan tarif utama dengan AS, walaupun KLCI mencatatkan pergerakan yang lebih sederhana berlatarkan aliran keluar asing. Ahli mesyuarat mengaitkan prestasi KLCI dengan perwakilan yang terhad oleh syarikat dalam sektor pertumbuhan tinggi serta kecenderungan pelabur domestik untuk memilih saham dividen dan mengelak pembelian balik, yang menjadikan pergerakan harga sederhana.

2. Penambahbaikan kepada program Lindung Nilai Dinamik

2.1 Ahli mesyuarat mengambil maklum usaha berterusan untuk menambah baik program Lindung Nilai Dinamik bagi memudahkan pelbagai kaedah lindung nilai mata wang yang lebih luas dan bersetuju untuk menyokong usaha bertemu pelabur apabila penambahbaikan ini selesai.

3. Rakan Niaga Pusat (Central Counterparty, CCP)

3.1 Mesyuarat membincangkan isu penjelasan swap kadar faedah tanpa penyerahan dalam denominasi Ringgit Malaysia (*Malaysian Ringgit-denominated non-deliverable interest rate swaps,* MYR NDIRS) oleh London Clearing House (LCH). Ahli mesyuarat membincangkan manfaat melaksanakan penjelasan berpusat, termasuk peningkatan keupayaan penggerak pasaran (*market makers*) domestik untuk melindungi nilai kedudukan swap kadar faedah (*interest rate swaps*, IRS) mereka daripada caj modal yang lebih rendah. Keadaan ini juga telah meningkatkan keupayaan mereka untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan domestik, seperti yang dibuktikan oleh pertumbuhan pesat dalam purata jumlah IRS tempatan harian sebanyak kira-kira 50% sejak tahun 2024 dalam keadaan spread antara IRS luar pesisir dan IRS tempatan yang ketat. Ahli mesyuarat menyarankan galakan penyertaan yang lebih besar oleh peserta pasaran lain semasa membincangkan isu berkaitan strategi untuk membangunkan lagi pasaran IRS tempatan.

3.2 Mesyuarat diberikan taklimat mengenai tinjauan dalam kalangan ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (Financial Market Association of Malaysia, FMAM) mengenai manfaat dan kebolehlaksanaan CCP untuk produk di kaunter

(*over-the-counter,* OTC) tempatan. Responden secara amnya menyokong inisiatif ini dengan menyatakan manfaat pengurangan risiko kredit rakan niaga dan penyeragaman urus niaga, meskipun terdapat sedikit kebimbangan mengenai risiko dan kos penumpuan. Responden turut mengesyorkan IRS, swap silang mata wang (*cross-currency swaps,* CCS) dan repo diutamakan untuk penjelasan.

3.3 Mesyuarat membincangkan potensi model CCP, iaitu ahli mesyuarat mengetengahkan cabaran dalam membangunkan CCP domestik berdasarkan pemerhatian serantau serta menekankan kepentingan ekonomi mengikut bidangan (*economies of scale*) serta penyelarasan dengan konvensyen global yang mapan. Daripada segi instrumen, ahli mesyuarat bersetuju bahawa perjanjian pembelian semula (repo) perlu dipertimbangkan seiring dengan derivatif memandangkan potensi manfaat pada kecekapan operasi dan risiko penyelesaian.

4. Peralihan KLIBOR kepada MYOR/MYOR-i

4.1 Mesyuarat telah diberikan taklimat mengenai kemajuan Peralihan KLIBOR kepada MYOR/MYOR-i, termasuk penerbitan pelan hala tuju peralihan negara, penubuhan empat Kumpulan Kerja Peralihan KLIBOR dan pelancaran laman sesawang khusus[1] untuk menyebarkan maklumat dan kemas kini yang berkaitan. Ahli mesyuarat secara positif juga mengambil maklum tentang penetapan pelarasan spread[2] untuk sandaran derivatif KLIBOR pada 16 Oktober 2025 yang memberikan kepastian kepada pasaran dan memudahkan penetapan harga swap indeks semalaman (*overnight index swaps,* OIS) MYOR dan swap asas KLIBOR-MYOR.

4.2 Seterusnya, para ketua Kumpulan Kerja Peralihan KLIBOR berkongsi keutamaan dan pencapaian utama mereka, termasuk membina mudah tunai dalam pasaran MYOR dan MYOR-i, menangani sandaran untuk produk tunai dan derivatif Islam serta memperhebat usaha pendidikan kepada pelanggan.

---

[1] https://financialmarkets.bnm.gov.my/myor-myori-overview

[2] 1 bulan: 0.21799%, 3 bulan: 0.49066%, 6 bulan: 0.57663%. Sila rujuk penerbitan berkaitan oleh Bloomberg (https://assets.bbhub.io/professional/sites/27/IBOR-Fallbacks_MYR_KLIBOR_Cessation_Technical-Note_251024.pdf) dan ISDA (https://www.isda.org/a/rzBgE/ISDA-KLIBOR_cessation-guidance_final_102325.pdf) untuk maklumat lanjut.

5. Persidangan Meja Bulat Jawatankuasa Kecil Pasaran Kewangan Islam (Islamic Financial Market Subcommittee, IFMC) di Global Islamic Financial Forum (GIFF) dan Perubahan Keahlian

5.1 Mesyuarat turut diberikan taklimat mengenai sorotan daripada Persidangan Meja Bulat IFMC, yang membincangkan strategi untuk memperluas asas pelabur sukuk domestik melalui peningkatan pendidikan dan pendedahan yang lebih baik. Cadangan industri termasuk penetapan harga sukuk korporat berdasarkan MGII berbanding MGS serta terbitan sukuk korporat yang dijamin kerajaan dalam Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST).

5.2 Mesyuarat turut meluluskan pelantikan Nik Azhar Abdullah, Pengarah Urusan dan Ketua Pasaran Global Malaysia MUFG sebagai ahli terbaharu IFMC.